

Gam punca remaja terjebak dadah

8-H 17/2/09 M/S 11

BANDAR TUN RAZAK – Kegiatan hidu gam secara suka-suka pada awalnya menjadi punca remaja terus terjebak dengan dadah akibat ketagihan gam.

Pengurus Kawasan Bandar Tun Razak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Wan Nordin Wan Mahmod berkata, tindakan proaktif perlu diambil bagi membanteras dadah ini dan pembabitian semua pihak dalam memainkan peranan adalah perlu.

Menurutnya, ibu bapa khususnya perlu mengawasi tingkah laku anak-anak mereka agar tiada sebab untuk mereka mula berjinak dengan dadah atau hidu gam.

"Kegiatan hidu gam ini cenderung kepada kanak-kanak dan remaja sekolah berikutan harganya yang

murah dan mudah didapati.

"komuniti masyarakat setempat juga perlu memainkan peranan mereka dalam memantau aktiviti tidak sihat remaja ini," katanya di Karnival 1Malaysia Pemadam BTR.

Karnival 1Malaysia Pemadam BTR bertemakan Remaja Bebas Dadah ini adalah anjuran DBKL dengan kerjasama Pemadam Malaysia.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Usahawan Melayu Bandar Tun Razak Datuk Alias Abdul, wakil Pemadam dan Pegawai DBKL.

Pelbagai aktiviti di jalankan antaranya pertandingan bola sepak, bola jaring dan poco-poco.

Menurut Wan Nordin, pertandingan bola sepak bakal dijadikan satu pro-



● Wan Nordin (duduk, tengah) bergambar bersama pasukan Dikir Barat Putra Desa dari Perumahan PDRM Desa Tasik.

gram dalam mendekati remaja dengan aktiviti sukan yang sihat.

"Bola sepak diminati remaja hari ini dan memilih permainan sebagai permainan rasmi dalam memberi ruang dan mengisi

masa lapang remaja kepada aktiviti yang lebih sihat.

"Kami akan bawakan cadangan untuk dijadikan permainan menjadi satu aktiviti yang dipertandingkan antara ahli Pemadam

di peringkat kebangsaan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Sementara itu, beliau juga berharap agar pihak bukan badan kerajaan (NGO) di Bandar Tun Razak memandang serius

mengenai permasalahan dadah di kawasan ini.

Terdahulu, pertandingan bola sepak yang dipertandingkan dijuarai oleh pasukan daripada Pemasdam (A) BTR, manakala bola jaring pula dimenangi pasukan Pemadam Titiwangsa dan poco-poco diungguli oleh pasukan Hot Glamour's dari Desa Baiduri.

Kombo DBKL turut memeriahkan majlis pada hari itu selain pertandingan irama klasik peringkat Bandar Tun Razak.

Dapatkan
berita terkini
& berita edisi
secara online

www.sinarharian.com.my